

Pendahuluan

Menurut catatan *Letter Books Series E.E* Vol. 30, No. 28:-

"The Resident Councillor at Penang was not keen on employing Malays as teachers, as he was definitely opposed engaging even Hajis, perhaps the most natural person to be so engaged. He did not like their connection with existing Koran School, and also he considered them a poor type as regard personal character and mental attainment"

Perakuan yang dikanunikan oleh Penjajah Inggeris di dalam perancangan pendidikan anak-anak orang Melayu seperti yang terkandung di dalam *Legislative Council Proceeding 1873*, Appendix No. 34 (Skinner Report, 1872):-

"..... .to regulate the studies to separate entirely the Koran and Malay instruction. Among the rules that were hung in every school were the following:

- 1. The Koran may be taught in school, but it must be kept strictly separate from the Malay.*
- 2. The morning lessons must be devoted to instruction in Malay. The Koran must be confined to the afternoon.*
- 3. The Government allowance to the teacher is made on account of the Malay lesson only. The parents should assist in paying the master for teaching the Koran"*

Sumber: Chelliah, D.D. 1947. *A History of the Educational Policy of the Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on Vernaculars*. Kuala Lumpur: The Government Press.

Sekitar empat tahun selepas kewujudan cetusan citarasa gelojoh penjajahan Inggeris melalui dua petikan di atas lahirlah seorang intelek anak Melayu dan pejuang menentang nafsu serakah Inggeris keparat!. Syeikh Abdullah Fahim yang memulakan langkah pertama perjuangan memperkasa anak bangsa dan mempertahankan watannya melalui medan pendidikan. Beliau amat yakin inilah asas utama modal insan dalam proses pembentukan intelektual tulen bangsa Melayu.

Sejarah Awal: Kelahiran dan Pendidikan

Terdapat beberapa sumber maklumat yang berbeza tentang sejarah kelahiran Syeikh Abdullah Fahim. Beliau dilahirkan di Kampung Kubur Panjang, Daerah Padang Terap, Kedah pada 1869. Bapa beliau Tuan Haji Ibrahim bin Tahir telah membawanya ke Makkah sewaktu usia kanak-kanak lagi.¹ Berdasarkan satu lagi sumber yang menyebutkan beliau dilahirkan di Kampung Sha'ib 'Ali Kota Makkah al-Mukarramah pada 1870.² Walaupun terdapat perbezaan tarikh kelahiran beliau, ini menunjukkan bahawa dalam usia awal kanak-kanak beliau telah dibawa ke Makkah oleh bapanya yang juga merupakan salah seorang guru agama yang mengajar di Masjid al-Haram.³ Syeikh Abdullah Fahim seorang kanak-kanak yang pintar dan begitu meminati sebarang ilmu yang diajarkan kepadanya. Ini dibuktikan dengan kejayaan cemerlang beliau menguasai bukan sahaja ilmu-ilmu agama secara khusus seperti fekah, tauhid, usuluddin, tafsir al-

Qur'an dan sebagainya tetapi ilmu-ilmu bantu yang lain seperti kesusasteraan Arab, mantiq, ilmu hisab dan ilmu falak.⁴ Kesungguhan dan minat yang mendalam beliau terhadap menuntut ilmu dibuktikan oleh anaknya Dato' Haji Ahmad Badawi, "bapanya telah berguru daripada 42 orang ulama dan pelbagai bangsa dan bidang sama ada agama, akademik dan politik".⁵

Tentang perkataan 'Fahim' pada nama beliau terdapat dua pendapat. Pertama menjadi kebiasaan bagi masyarakat utara Tanah Melayu khasnya Pulau Pinang memanggil nama Ibrahim (nama bapa beliau Haji Ibrahim bin Tahir) dengan panggilan akhirnya sahaja 'Him'. Kedua menurut Dato' Muhamad bin Hashim mantan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang perkataan 'Fahim' di dalam bahasa Arab bererti amat faham dalam semua ilmu.⁶ Seperti bapanya juga Syeikh Abdullah Fahim telah dilantik menjadi guru di Masjid al-Haram yang mengajar ilmu falak, fekah, usuluddin, tafsir al-Qur'an, al-Hadith dan lain-lain.⁷ Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan seorang gadis Melayu di Makkah dan memperolehi dua orang anak lelaki Ahmad Ghazali dan Ahmad Badawi. Anak pertamanya ini telah meninggal dunia di kota Makkah semasa usia kanak-kanak dan tidak lama selepas itu diikuti oleh ibunya pula. Syeikh Abdullah Fahim telah mendirikan rumah tangga kali kedua dengan Hajah Shari'ah binti Haji Hasan apabila pulang ke Tanah Melayu.

Pendidikan Asas Pembentukan Intelektual Umat Melayu

Tahun 1921 merupakan tahun sakral bagi sejarah perjuangan suci Syeikh Abdullah Fahim. Tahun ini adalah tarikh beliau menjejak kaki di bumi bertuah Kepala Batas Seberang Perai selepas mempersiapkan diri dengan ilmu, iman dan amal untuk terjun ke tengah khalayak umat Melayu yang menanti-nantikan kepulangan beliau. Tanpa membuang masa, tanpa bangunan formal tanpa lain-lain kareh beliau terus membuka kelas agama di rumah pusaknya sendiri yang kini menjadi rumah bekas pejabat UMNO Bahagian Kepala Batas.⁸ Pada permulaannya pelajar yang hadir sekitar 7 orang sahaja, mereka diajar secara sistem *halaqah* atau *umumi*, melalui ststem ini setiap pelajar akan duduk bersila di dalam bulatan sambil membuka kitab menghadap guru. Ketokohan dan keilmuan Syeikh Abdullah Fahim bak bunga kasturi harum semerbak segera dihidu oleh Syeikh Al-Islam Negeri Kedah Tuan Guru Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik yang juga mempunyai pondoknya sendiri di Kampung Limbong Kapal, Alor Setar, Kedah. Syeikh Abdullah Fahim telah diundang untuk mengajar di pondok ini. Oleh itu kelas pengajiannya di Kepala Batas terpaksa ditutup. Jawatan Syeikh al-Islam mempunyai hubungan yang amat rapat dengan Sultan dan kerabat diraja Kedah justeru Syeikh Abdullah Fahim juga menjadi tempat rujukan dan nasihat Sultan Kedah dalam hal keagamaan. Dengan ini nama dan ketokohan beliau semakin terserlah. Pada 1925 beliau menamatkan khidmatnya di Kedah dan pulang ke Kepala Batas. Atas permintaan masyarakat Madrasah Dai'rat al-Ma'arif al-Wataniyah didirikan bersebelahan dengan Masjid al-Jami' al-Badawi, Kepala Batas. Dalam masa empat tahun madrasah ini mendapat sambutan yang luar biasa bukan sahaja dari masyarakat tempatan tetapi dari masyarakat seluruh Semenanjung Tanah Melayu bahkan dari luar negara seperti Singapura, Brunei, Kamboja, Sarawak, Indonesia dan Thailand. Jumlah pelajar meningkat sehingga 1500 orang.⁹

Satu hal yang menarik perhatian ialah tentang nama madrasah beliau, 'Madrasah Dai'rat al-Ma'arif al-Wataniyah'. Secara umum ia membawa maksud madrasah untuk mendidik anak-anak bangsa Melayu menjadi golongan intelektual bagi mengangkat martabat tanah air (watan) tersohor dengan jati diri kemerdekaan. Oleh itu beliau mempunyai keyakinan tinggi dan iltizam yang kental bahawa bangsa dan tanah air orang Melayu akan hanya boleh bebas dari cengkaman penjajah Inggeris ialah melalui kekuatan benteng ilmu pengetahuan. Maksud beliau orang Melayu mesti mempunyai sistem pendidikannya sendiri yang berpaksikan konsep '*habln min Allah*' dan '*habln min al-nas*' (perhubungan dengan Allah/Khalik yang boleh diklasifikasikan sebagai ilmu Fardu 'Ain) dan (perhubungan dengan manusia/makhluk yang boleh diklasifikasikan sebagai ilmu Fardu Kifayah). Seorang ulama tradisional seperti Syeikh Abdullah Fahim memiliki semangat patriotik yang tulen dan tebal adalah ibarat mutiara yang sentiasa bergemerlapan. Ini adalah terjemahan daripada sifat ikhlas, tulus dan telus beliau di dalam perjuangan bangsa dan tanah air semata-mata mengharapkan keredhaan Allah jua. Sebab itu beliau tidak mengharapkan sebarang keuntungan di dalam membangunkan madrasahnyalah ia mengeluarkan wang saku sendiri untuk pembangunan murid dan madrasahnyalah. Selain derma wakaf daripada anggota masyarakat diantaranya wakaf kebun getah

20 ekar di Merbok Kedah dan beberapa ekar tanah sawah di Titi Serong, Perak.¹⁰

Satu aspek yang amat ditekankan oleh Syeikh Abdullah Fahim di dalam pengajaran beliau samada formal atau tidak formal ialah aspek perpaduan dalam kalangan umat Melayu. Lawan kepada perpaduan ialah perpecahan. Menurut beliau unsur negatif ini laksana musuh dalam selimut, ia boleh datang daripada luar dan dalam masyarakat kita, musnah yang datang daripada luar gampang dan mudah dikenal pasti tetapi yang datang daripada dari dalam sukar diketahui kecuali kepada yang arif, oleh itu bertanyalah kepada mereka. Musnah dalam selimut yang beliau maksudkan ialah isu perpecahan mazhab dalam kalangan umat Melayu. Beliau sanggup turun padang ke seluruh tanah air menjawab dan menjelaskan isu ini semata-mata sayangkan umat Melayu supaya jangan berpecah dan bercakaran sesama sendiri. Tiada siapa yang akan mendapat faedahnya kecuali penjajah Inggeris. Menurut beliau: (ejaan asal kitab jawi dikekalkan)

"Tuan-tuan sedia maklum beratus-ratus tahun bangsa Melayu se Malaya ini dari peringkat ke bawah hingga peringkat ke atas, [orang-orang] awam, kadhi-kadhi, ulama-ulama, menteri- menteri, hingga raja-raja, sekalian mereka ini bermazhab dengan mazhab al-Imam Syafie *ijma'an*, tiada seorang yang bermazhab lain daripada mazhab Syafie (*yahrumu khaqulijma'*) [ertinya haram menyalahi *ijma'* ulama ummat ini, sebab *ijma'* adalah satu daripada dasar-dasar hukum agama].

Ambil mereka itu hukum-hukum fiqh Syafie daripada kitab '*Tuhfah*' dan kitab '*Nihyah*' hingga kitab '*al-Ulum*' dan *mukhtasarnya* [ringkasannya], dan terjemahannya kepada bahasa Melayu seperti '*Sabilal-Muhtadi*', '*Bughyah al-Tullab*' dan '*Matla' al-Badrayn*' dan lainnya.

[Mereka mengambil] Usul al-Din atas perjalanan Abil-Hasan al-Ash'ari diambalkan daripada *syuruh* [kitab-kitab syarah] dan hawashi [syarah-syarah dan catatan-catatan pinggir halaman]

'*Umm al-Barahin*' dan 'Jauharah' [*Jauharah al-Tauhid*] oleh Sy-eikh Ibrahim al-Laqqani beraliran Imam al-Ash'ari] dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu.

[Mereka mengambil] ilmu tasawwuf atas perjalanan al-Imam al-Ghazali diambalkan daripada '*Minhaj al-'Abidin*', '*Thya 'Ulum al-Din*' dan terjemahannya kepada bahasa Melayu '*Siyar alSalikin*'. Maka ini kitab-kitab dan seumpamanya segala hukum di dalamnya kesemuanya *mustanbat* [diambil faham hukumnya] daripada al-Our'an dan al-Hadith yang dihalusi dan ditapis oleh '*ulama ajilla*' (ulama yang mulia-mulia) diamal dengan dia sudah lebih daripada seribu tahun dan diterjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun [lamanya].¹¹

Kewibaan dan ketrampilan Syeikh Abdullah Fahim dalam perjuangan mendidik anak bangsa ke arah mewujudkan golongan intelektual menampakkan hasilnya apabila berjaya melahirkan ramai tokoh-tokoh penting dalam bidang dan profesion masing-masing. Di antara mereka seperti berikut:

1. Dato' Syeikh Abdul Halim Othman, mantan Pengetua Maktab Mahmud Alor Setar dan mantan Pendaftar Mahkamah Syariah Kedah.
2. Haji Salleh Othman, mantan Pengarah Pendidikan Agama, Kementerian Pelajaran Malaysia
3. Haji Salleh Shamsuddin, guru Maktab Mahmud Alor Setar.

4. Ustaz Haji Abu Bakar al-Baqir, mantan Mudir Ma'ahad al-Ihya' al-Sharif, Gunung Semanggol Perak, mantan Pengasas Kanz al-Ma'arif (1925- 1930) dan mantan Pengasas Hizb al-Muslimin (parti Islam pertama di Malaya).
5. Dato' Haji Muhamad Haji Hashim, mantan Mufti Negeri Pulau Pinang
6. Ustaz Yusuf Hilmi, mantan Pengerusi Bank Pusat Kerjasama Pulau Pinang, mantan ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan mantan guru Madrasah Da'irat al-Ma'arif al-Wataniyah, Kepala Batas.
7. Syeikh Abdul Halim, mantan Mudir Madrasah Da'irat al-Ma'arif alwa Wataniyah (1934-1946), pengarang kitab *Tajzib Atraf al-Hadis* dan *Ilm al Bari* (syarah kitab Sahih Bukhari).
8. Dato' Haji Ahmad Badawi (anaknya), mantan Pemangku Ketua Menteri Pulau Pinang, mantan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, mantan Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, mantan EXCO Pemuda UMNO Pusat, mantan Ketua UMNO Bahagian Kepala Batas.
9. Syeikh Ahmad Muhyiddin Sa'id, mantan Mudir Madrasah Da'irat al-Ma'arif all-Wataniyah Kepala Batas (1931-1933) dan abang kepada Ustaz Haji Abu Bakar al-Baqir.
10. Ustaz Mulkan Amir Hamzah, mantan ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).
11. Haji Ahmad Hasyimi, mantan Mudir Ma'ahad Islami, Tasek Junjung, Seberang Perai Utara (1931-1933)
12. Haji Mohd. Salleh Shafie, mantan Guru Kanan Madrasah Da'-irat al-Ma'arif al-Wataniyah, pengasas Nahdhah Ilmiyyah (1939) dan mantan Pengetua Sekolah Menengah Agama Da'irat al-Ma'arif al-Wataniyah yang baru ditubuh pada tahun 1989 (gabungan pendidikan agama dan akademik) serta penerima anugerah Tokoh Ma'al Hijrah, Negeri Pulau Pinang (1989)
13. Ustaz Zakaria Awang, mantan guru dan setiausaha badan pentadbir di Madrasah Da'irat al-Ma'arif al-Wataniyyah.

Peranan dan Sumbangan ke arah Kemerdekaan

"Bila kita dah merdeka, jangan pula ada pemimpin-pemimpin kita mengaut kekayaan di atas belakang rakyat."

"Orang Melayu mesti berjuang kerana Allah, berjuang untuk memerdekakan tanahair kerana Allah. Kita bangsa Melayu, Islam menerima kebangsaan, kebangsaan tak boleh tolak Islam"

Petikan Kata-kata Syeikh Abdullah Fahim

Sejarah menunjukkan bahawa kemerdekaan tidak datang begitu sahaja. Kemerdekaan itu dapat dinikmati hanya melalui perjuangan yang panjang dari generasi ke generasi. Perjuangan kemerdekaan bermula daripada timbulnya rasa kesedaran dalam kalangan pemimpin rakyat yang tertindas oleh penjajah, dan kesedaran ini timbul dan dikembangkan secara meluas oleh pejuang-pejuang kebangsaan yang berterusan sambung-menyambung. Semangat inilah yang ditiupkan oleh pemimpin-pemimpin yang lalu didorong oleh cita-cita untuk membangun masyarakat. Dengan proklamasi yang diisytiharkan pada 13hb Ogos 1957 oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman bererti bebaslah kita daripada penjajahan. Lahirlah satu bangsa dan negara yang merdeka dan berdaulat.

Kenapa 31 hb. Ogos 1957 yang dipilih? Siapa yang mengilhankannya? Siapa lagi kalau bukan Syeikh Abdullah Fahim, seorang ulama besar tanah air dan ayahnda kepada Dato' Hj. Ahmad (Badawi) dan datuk kepada YAB Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi bin

Abdullah Fahim. Itulah sumbangan besar beliau. Mungkin tidak ramai orang yang mengetahui bahawa tarikh kemerdekaan tanahair, Malaya, telah ditentukan oleh Allahyarham Syeikh Abdullah Fahim. Peristiwa ini berlaku apabila Yab Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj datang secara khusus menemui Syeikh Abdullah Fahim di Kepala Batas untuk mendapatkan pandangan beliau tarikh yang sesuai untuk kemerdekaan tanah air kita. Ini disebabkan beliau seorang yang pakar dalam ilmu falak, ilmu yang berkaitan dengan sistem perjalanan cakerawala di alam ini.

Beliau sebagai seorang ulama besar tanahair, guru dan ahli politik bukan sahaja dihormati oleh para pejuang kemerdekaan tanahair dan umat Islam bahkan juga kebanyakan orang bukan Islam. Dengan ketokohnya inilah, Allahyarham sangat dihormati oleh Sultan-Raja Melayu pada masa itu seperti Sultan Perak, Sultan Pahang, Sultan Kedah, Sultan Kelantan dan Raja Perlis. Dalam kalangan pejuang kemerdekaan pula seperti Allahyarham Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Allahyarham Dr. Burhanuddin Helmy, Yang Dipertua Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), pemimpin-pemimpin UMNO iaitu Allahyarham-Allahyarham: Dato' Onn bin Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein dan Tun Hussien Onn. Begitu juga Yang Dipertuan pertama Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS), Allahyarham Haji Ahmad Fuad bin Hassan. Penghormatan tersebut dapat disaksikan apabila ramai Sultan-Raja Melayu, para ulama, pembesar, pejuang-pejuang kemerdekaan tanahair dan rakyat jelata sering datang menemui Allahyarham di Kepala Batas, Seberang Perai.

Dalam kalangan alim ulama negara Indonesia pula seperti Allahyarham Hassan Bandung dan Haji Abdul Malik Karim Amrullah-HAMKA, dalam apa juga majlis muzakarah dan seminar telah mengambil Allahyarham Syeikh Abdullah Fahim sebagai pakar rujuk atau tempat punca fatwa dan pendapat berhubungan dengan kemusykilan hukum-hukum yang tidak termaktub di dalam al-Qur'an dan al-Hadis seperti pendapat daripada ulama, mazhab-mazhab atau ijtihad. Kepada Sultan-Raja yang datang, dinasihatkan supaya menjadi pemerintah yang adil dan tidak melupakan Allah. Kepada pejuang kemerdekaan pula, dinasihatkan supaya berjuang dengan jujur, tidak menggunakan kuasa untuk menindas rakyat dan membina kekayaan untuk diri sendiri dan keluarga. Manakala kepada alim ulama pula, Allahyarham sering mengingatkan mereka akan amanat Imam Al-Ghazali, iaitu "Ulama yang fasik sering berada di Istana raja." Justeru mereka dinasihatkan berkata benar walaupun pahit dan boleh menyebabkan orang marah daripada kata-kata tersebut ataupun mungkin akan dihukum. (Mokhtar Petah: 1997). Sewajarnya beliau dihormati kerana di samping ulama besar, Allahyarham juga guru di Madrasah Daratul Maarif al-Wataniah, Kepala Batas pada tahun 1930-an. Ramai dalam kalangan murid-muridnya menjadi ulama dan pemimpin seperti Allahyarham Haji Ahmad Maliki, Allahyarham Haji Ahmad Badawi pemimpin UMNO Pulau-Pinang, Allahyarham Haji Yang Ghazali (Dato') bekas Imam Besar Masjid Negara dan Mufti Negeri Selangor.

Perkara yang sangat dipentingkan oleh Syeikh Abdullah Fahim di Madrasah Da'irah al-Ma'arif al-Wataniah ialah *Hubb al-watan min al-Iman* (cintakan tanahair sebahagian daripada iman). (Abdul Aziz Ahmad : 1997). Bahkan UMNO yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Abdul Razak sentiasa merujuk kepada Syeikh Abdullah Fahim sebelum melakukan sesuatu program yang ada hubung kaitnya dengan agama Islam. Sebab itulah dalam kepimpinan Tunku, Syeikh Abdullah bin Haji Ibrahim (Pa' him) dilantik sebagai penasihat khas beliau.

Sebagai ulama besar dan juga guru kepada murid-muridnya Syeikh Abdullah Fahim telah menanam semangat kemerdekaan ke dalam diri setiap muridnya sama ada murid sepenuh masa mahupun murid sambilan. Kebanyakan daripada mereka telah bangun berjuang menuntut kemerdekaan dan ada yang terkorban seperti Abdullah bin Lebai Saleh atau Dolah Kuak, meninggal dunia kerana dibunuh oleh penganas komunis di Lenggong Perak.

Sebagai ulama dan guru, buah fikiran dan restu daripada Syeikh Abdullah Fahim sering dipinta oleh murid-muridnya. Contohnya semasa penjajah British telah mengemukakan gagasan